

12 NOV 1997

Mahathir-Pendidikan

PENDIDIKAN JARAK JAUH HARUS MENJANGKAU SEMPADAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa Pertubuhan Universiti Terbuka Asia menjadikan pendidikan jarak jauh menjangkau sempadan negara anggota.

"Saya percaya bahawa konsep pendidikan jarak jauh di masa depan adalah tanpa sempadan," katanya ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Pertubuhan Universiti Terbuka Asia ke-11 di sini.

Dr Mahathir percaya bahawa di Malaysia, dengan mengamalkan konsep universiti terbuka melalui usaha bersepadu, ia boleh mencapai sasaran 40 peratus akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat menjelang tahun 2020 atau lebih awal.

Beliau berkata program pendidikan jarak jauh yang ditawarkan oleh universiti terbuka Malaysia harus dibuka kepada Asean dan juga negara-negara Asia.

Asean, atau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara, dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Beliau berkata memandangkan kualiti pendidikan Malaysia akan mencapai standard dunia, Malaysia harus menjangka kehadiran pelajar dari seluruh dunia kerana mereka tidak lagi terbatas dalam lingkungan negara sendiri.

Dr Mahathir berkata kehadiran para pelajar dari seluruh dunia di sesebuah universiti akan dapat membantu mereka menghadapi persekitaran global pada masa akan datang.

Dr Mahathir berkata konsep universiti terbuka akan lebih efektif jika semua institusi pengajian tinggi membenarkan pemindahan jam kredit antara kursus pengajian jarak jauh.

Sistem itu akan lebih efisien jika program pendidikan jarak jauh mengandungi rekabentuk kurikulum bermodul dan perkongsian dapat dijalinan antara negara anggota.

"Jika konsep universiti terbuka diterima dan diamalkan melalui usaha bersepadu, saya percaya kita boleh mencapai sasaran 40 peratus akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat kita menjelang tahun 2020 atau lebih awal," katanya.

Pada zaman dulu, katanya, konsep pendidikan jarak jauh bermaksud berjalan berkaki ayam tetapi hari ini maksudnya telah berubah.

"Seorang pelajar boleh sentiasa bergerak tanpa hilang kebolehannya untuk belajar. Menerusi telefon bimbit dan komputer pangku, faks dan rakaman dia bebas daripada jadual ketat pensyarah atau demonstrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau boleh bayangkan bahawa menjelang tahun 2020, universiti yang menawarkan program pendidikan jarak jauh akan dihubungkan secara global oleh teknologi telekomunikasi.

Di Malaysia, teknologi baru ini akan diterokai dan diuji dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang beliau sifatkan sebagai gedung ujian yang luas untuk mencuba bukan sahaja teknologi baru maklumat dan multimedia tetapi juga gaya hidup dalam era maklumat segera dan tidak terbatas.

Beliau berharap semua institusi pengajian tinggi tempatan akan dihubungkan kepada sebuah universiti pusat, sebagai pusat pentadbiran yang melayani institusi lain sebagai anggota peserta, yang terletak dalam MSC.

MSC adalah sebuah kawasan seluas 750 km persegi selatan dari sini yang dikhususkan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir menggesa rakyat Malaysia supaya mengubah sikap dan menerima

perubahan yang dibawa oleh teknologi baru jika mereka mahu menguasai teknologi maklumat. -- BERNAMA

ARA AKD